

PM dijangka umum projek Sungai Perak

TELUK INTAN, Khamis — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka mengumumkan butir-butir mengenai projek meluruskan dan menimbus Sungai Perak April ini bagi menyelamatkan bandar ini daripada kejadian hakisan.

Ahli Parlimen Pasir Salak, Datuk Megat Junid Megat Ayub, berkata Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Malaysia Mining Corporation (MMC) masih berunding untuk menyelaraskan dan melaksanakan projek itu.

Beliau, yang juga Timbalan Menteri Dalam Negeri, berkata pihak terbabit sudah menyiapkan sebuah pelan infrastruktur untuk garis panduan menayakan projek yang berharga \$36 juta itu.

"Insya-Allah Perdana Menteri akan mengumumkan sendiri projek itu April depan," katanya kepada Berita Harian sebelum memrasmikan tilawah al-Quraan di Bagan Datoh dekat sini malam semalam.

Katanya, projek meluruskan Sungai Perak itu ialah ilham Datuk Seri Dr Mahathir sendiri ketika menaiki helikopter bersama Menteri Besar Perak Datuk Seri Ramli Ngah Talib sempena pelancaran estet padi Bukit Chawi, Sebarang Perak dekat sini beberapa tahun lalu.

"Perdana Menteri amat tertarik hati untuk melaksanakan projek itu bagi menyelamatkan bandar Teluk Intan yang bersejarah supaya ia tidak musnah berikutan hakisan yang pesat berlaku di situ," katanya.

Lulus peruntukan

Teluk Intan satu ketika pernah menjadi ibu negeri Perak sebelum Taiping dan Ipoh.

Datuk Megat Junid menjelaskan Kerajaan Persekutuan sudah meluluskan peruntukan \$10 juta untuk projek itu dan baki \$26 juta diminta daripada kerajaan negeri. Bagaimanapun disebabkan kelembapan ekonomi negara, projek itu terpaksa ditangguhkan.

Katanya, keseluruhan projek itu jika dapat dilaksanakan akan siap dalam tempoh lima tahun.

Mengenai benteng tebing Sungai Perak di taman rekreasi dekat Jalan Mahkamah yang runtuh Sabtu lalu disebabkan hakisan, Datuk Megat Junid berkata beliau akan berusaha mendapatkan \$500,000 daripada JPM untuk kerja awal membaikinya.

Beliau yang melawat tempat kejadian petang semalam mengarahkan pegawai daerah, Encik Abdul Halim Ahmad menyediakan laporan lengkap untuk membina benteng konkrit di situ.